

B. Pilih jawapan yang betul.

menganugerahi

menganugerahkan

1. a) Baginda _____ pingat kebesaran kepada tokoh budaya yang terkenal itu.
b) Baginda _____ tokoh budaya yang terkenal itu pingat kebesaran.

menjatuhi

menjatuhkan

2. a) Mahkamah _____ pesalah ragut itu hukuman penjara selama dua tahun.
b) Mahkamah _____ hukuman penjara selama dua tahun terhadap pesalah ragut itu.

mengotori

mengotorkan

3. a) Siapakah yang telah _____ kawasan peranginan yang indah sebelum ini?
b) Sampah sarap yang _____ kawasan itu telah menjejaskan imej negara kita.

memerahi

memerahkan

4. a) Abang telah _____ baju sukannya sehingga kelihatan seperti terkena darah.
b) Gadis itu sentiasa _____ bibirnya ketika ke pejabat agar kelihatan anggun.

mendatangi

mendatangkan

5. a) Penduduk kampung sering _____ rumah penghulu untuk meminta bantuan.
b) Amalan merokok dalam kalangan masyarakat akan _____ masalah kesihatan yang serius.

mewarisi

mewariskan

6. a) Beliau _____ bakat sebagai pelakon daripada ibu bapanya yang memang terkenal.
b) Hartawan itu _____ semua kekayaannya untuk tujuan kebajikan kepada masyarakat.

menjalani

menjalankan

7. a) Beliau akan _____ pembedahan jantung di IJN pada bila-bila sahaja oleh doktor pakar.
b) Doktor pakar akan _____ pembedahan terhadap pesakit itu pada bila-bila masa.

mengurangi

mengurangkan

8. a) Peniaga itu _____ saya sebanyak 50 peratus harga barang jualannya.
b) Pembinaan lebuh raya di negara ini mampu _____ kesesakan di jalan raya.

memberitahu

memberitahukan

9. a) Saya akan _____ guru disiplin kita berhubung dengan kes buli tadi.
b) Saya akan _____ kes buli tadi kepada guru disiplin kita.

mengajar

mengajarkan

10. a) Puan Zainon _____ kami mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan tekun sekali.
b) Puan Zainon _____ mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan tekun sekali.